

# KENYATAAN MEDIA

## CIDB PERKENAL DUA KATEGORI UNTUK MCIEA 2018

**Kuala Lumpur, 12 Februari:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memperkenalkan dua kategori baharu bagi pencalonan Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia atau *The Malaysian Construction Industry Excellence Awards* (MCIEA).

Kategori baharu itu terdiri daripada **Anugerah QLASSIC (*Quality Assessment System for Building Construction*)** dan **Anugerah Bangunan Hijau**.

Di mana Anugerah Bangunan Hijau untuk menggantikan kategori Anugerah Binaan Hijau dan dikhaskan untuk projek bangunan sahaja.

Kesemua kategori MCIEA 2018 adalah selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP) yang bermatlamat untuk menyediakan industri pembinaan negara ke arah lebih maju, selamat, mampan dan berdaya saing menjelang 2020.

Kategori MCIEA 2018 adalah:

- Anugerah Kontraktor Terbaik (Kontraktor G1 hingga G6)
- Anugerah Projek Terbaik (Projek Infrastruktur dan Projek Bangunan)
- Anugerah Pencapaian Antarabangsa
- Anugerah Keselamatan dan Kesihatan
- Anugerah IBS
- Anugerah Inovasi
- Anugerah QLASSIC
- Anugerah Jurubina Terbaik (Kontraktor G7)
- Anugerah Individu
- Anugerah Bangunan Hijau

MCIEA yang diperkenalkan pada tahun 2000, merupakan anugerah berprestij tahunan industri pembinaan bagi mengiktiraf individu dan juga organisasi yang telah menampilkan kecemerlangan di dalam sektor pembinaan disamping menjadi landasan persaingan sihat sesama penggiat industri dalam mencapai kecemerlangan melalui penampilan amalan-amalan terbaik pembinaan.

Tahun lepas, Ahmad Zaki Resources Berhad dinobatkan sebagai penerima MCIEA 2017 bagi kategori Anugerah Jurubina Terbaik, manakala Anugerah Keselamatan dan Kesihatan pula dimenangi oleh Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd. Bagi Anugerah Tokoh Terkemuka atau *Prominent Player*, Ketua Pegawai Eksekutif, Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Datuk Azlan Abdul Karim merangkul anugerah berprestij berkenaan sementara Anugerah Pencapaian Antarabangsa, dimenangi oleh Eversendai Corporation Berhad.

Kesemua penyertaan MCIEA 2018 akan dinilai oleh juri-juri professional yang dilantik menganggotai jawatankuasa penilai. Justeru, CIDB mengalu-alukan penyertaan daripada seluruh penggiat industri pembinaan untuk pencalonan MCIEA 2018 yang dibuka sehingga 30 Mac 2018.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi **Pn. Suhana Mohd Said** di talian **03-4047 7046** atau **En. Muhammad Ridhwan Ikhsan**, **03-4047 7048** dan **En. Mohd Ikbal Abdullah Sani** di talian **03-4047 7049** atau layari laman web CIDB Malaysia di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### Mengenai CIDB

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---